



فجابه ستياوسها كراجان نكري كلنتن  
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN**  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim,  
15503 KOTA BHARU  
KELANTAN.

Tel : 09-748 1957  
Pengarah : 09-748 5826  
Faks : 09-747 0890 /  
: 747 4152 / 748 2652  
E-mail : bpsm@kelantan.gov.my

Ruj. Kami: SUK.D.200(06)15/3 JLD.2 (41)  
Bertarikh : 17 Zulkaedah 1441H  
9 Julai 2020

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Bahagian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

YB.Dato'/ YBhg.Dato'/ Tuan / Puan,

**PENGOPERASIAN SEPENUHNYA PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGERI  
KELANTAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YB.Dato'/YBhg.Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula pada 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020 dan semua perkhidmatan Kerajaan telah beroperasi sepenuhnya dalam tempoh PKPP.

3. Sehubungan dengan itu, **Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan juga bersetuju agar semua urusan pejabat beroperasi sepenuhnya dengan keberadaan Penjawat Awam Negeri sebanyak 100 peratus. Keputusan ini berkuatkuasa mulai 22 Julai 2020** bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas dan seterusnya menyokong ekonomi negara agar kembali berada di landasannya.

4. Selain daripada itu, penganjuran mesyuarat dan bengkel dibenarkan untuk dianjurkan dengan mematuhi prosedur keselamatan dan protokol kesihatan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Ketua Jabatan juga perlu memastikan semua SOP keselamatan

dan kesihatan dipatuhi sepenuhnya seperti melaksanakan saringan suhu badan, mengamalkan penjarakan sosial, memakai *face mask* dan menyediakan *hand sanitizer*.

Sekian, terima kasih.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' HAJI TENGGU AZMI BIN HAJI TENGGU JAAFAR, D.P.S.K (Kelantan)**  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)  
**b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN**  
**NEGERI KELANTAN**

s.k.: - YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan

---